



28 JAN, 2026

Doktor rugi RM285k diperdaya ‘polis’

Harian Metro, Malaysia



Kuantan: Doktor lelaki berusia 31 tahun kerugian RM285,000 selepas terpedaya dengan sindiket *phone scam*.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa yang bekerja di sebuah hospital di Pahang menerima panggilan telefon daripada beberapa individu pada 31 Disember lalu.

Katanya, individu terabit menyamar sebagai wakil Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum disambungkan kepada individu lain yang menyamar sebagai pegawai polis.

“Suspek kemudiannya mendakwa mangsa terabit dalam kes mengubah suai meter elektrik, perubahan wang haram serta aktiviti penipuan digital.

“Kononnya bagi tujuan siasatan, mangsa diarah untuk terus berhubung dengan suspek serta diminta melaporkan pergerakan harian.

“Mangsa kemudiannya diarah membuat pinjaman kewangan kononnya bagi tujuan siasatan bersama pihak bank,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Yahaya berkata, mangsa membuat pinjaman daripada sebuah institusi kewangan sebelum diarah melakukan beberapa transaksi pemindahan wang kepada tujuh akaun bank membabitkan 12 transaksi.

Katanya, selain itu, mangsa diarah membeli 35

DITIPU SINDIKET PHONE SCAM

Doktor rugi RM285k diperdaya ‘polis’

keping resit *Razer Gold Top Up* dan menyerahkan nombor pin kepada suspek.

“Akibat terpedaya, mangsa mengalami kerugian keseluruhan berjumlah RM285,000 iaitu wang simpanan peribadi dan pinjaman bank.

“Mangsa hanya menyedari ditipu selepas diminta menyerahkan sejumlah wang tambahan dan gagal menghubungi suspek. Kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak panik apabila menerima panggilan telefon daripada

individu tidak dikenali yang mendakwa daripada agensi penguat kuasa atau institusi utiliti dan kewangan.

“Sebarang panggilan mencurigakan hendaklah disahkan terus dengan polis atau agensi berkaitan dan dinasihatkan supaya membuat semakan nombor akaun di pautan <https://se-makmule.rmp.gov.my/> sebelum membuat sebarang transaksi.

“Mereka yang mengesyaki menjadi mangsa penipuan diminta segera menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997,” katanya.



SUSPEK menyamar sebagai wakil TNB sebelum disambungkan kepada individu lain yang menyamar sebagai pegawai polis.